

## ***HARBINGERS-2***

Satu kajian mengenai cabaran pandemik terhadap kerjaya ilmiah, sikap dan tingkah laku komunikasi di kalangan penyelidik muda (ECR)

### **Kajian bersama CIBER Research dan Universiti Malaya serta 7 universiti dari 7 negara**

Terima kasih atas pembiayaan daripada Alfred P. Sloan Foundation, mulai 1hb November 2020, satu kajian antarabangsa akan dijalankan untuk melihat pembaharuan kepada norma ilmiah dikala pertengahan pandemik semasa dan merungkai perubahan *scientific enterprise* di masa hadapan, melalui pandangan bakal professor dan bakal saintis serta saintis sosial terkemuka.

Dibangunkan hasil daripada kajian Harbingers mengenai penyelidik muda (*early career researchers - ECRs*) yang telah dijalankan selama 4 tahun ([ciber-research.com/harbingers.html](http://ciber-research.com/harbingers.html)), kehidupan dan prospek kerjaya, tingkah laku komunikasi serta sikap penyelidik muda zaman kini akan dikaji sekaligus menlanjuti penyelidikan tersebut. Namun begitu, melalui *Harbingers-2*, peranan dan impak pandemik kepada aspek-aspek tersebut akan dikaji semula di kalangan kohort ini, yang merangkumi generasi penyelidik paling terbesar dan mudah rentan.

Maka, kajian longitudinal CIBER yang telah dijalankan bersama ECRs dalam menentukan sama ada kepercayaan millennium mereka mampu mengubah “pandangan” terhadap komunikasi ilmiah akan diteruskan lagi selama 2 tahun (2020-2022), untuk merangkumi pemantauan mengenai kesan-kesan pandemik dan sekiranya pandemik mempercepat atau melambatkan perubahan tersebut, mengubah intipati perubahan itu, atau mencetuskan perubahan tambahan, atau samada ia berbeza sekaligus. Kita juga akan mengenal pasti cabaran kepada usaha keilmiahan yang dibawa oleh pandemik, mempengaruhi populasi pelbagai di kalangan ECRs dan bagaimana cabaran ini ditangani di negara-negara berlainan: adakah yang kaya semakin kaya, dan yang miskin semakin miskin? Bagaimanakah pula hasilnya di negara maju/membangun? Pengajaran apakah yang boleh dipelajari daripada dasar kebangsaan/institusi yang berbeza, bertujuan untuk menangkis bahaya kepada kohort ECR masa kini yang diolah sebagai “*the lost generation of the pandemic-riddled scholarly world*” ? Dimanakah, dalam keadaan ini, terletaknya ‘amalan terbaik’? Bagi tujuan ini, kajian ini akan menampilkan tiga set temubual berulang yang dilakukan secara berkala selama dua tahun bersama 170 ECRs dalam bidang sains dan sains sosial dari Amerika Syarikat, China, Malaysia, Perancis, Poland, Rusia, Sepanyol dan United Kingdom, dan disudahi dengan tinjauan soal selidik untuk meningkatkan skala hasil penemuan temubual kepada populasi ECR yang lebih besar, lebih antarabangsa dan dari kalangan pelbagai disiplin.

Maklumat lanjut, termasuk senarai menyeluruh kolaborasi penyelidikan ini, boleh didapati di laman web projek (<http://www.ciber-research.com/harbingers-2/>) atau terus daripada Profesor Dr Abrizah Abdullah, Universiti Malaya ([abrizah@um.edu.my](mailto:abrizah@um.edu.my))